



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK NORHAIZA NOORDIN  
TOKOH SENI UKIRAN KAYU**

**OLEH:**

<b>NURULAINAJWA MOHD DAUD</b>	<b>2013773127</b>
<b>ALYA MAISARAH ABDUL AZIZ</b>	<b>2013107443</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015-JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK NORHAIZA NOORDIN  
TOKOH SENI UKIRAN KAYU

OLEH:

NURULAINAJWA MOHD DAUD	2013773127
ALYA MAISARAH ABDUL AZIZ	2013107443

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015-JULAI 2015)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kami menyiapkan kerja kursus dengan jayanya. Pertama sekali kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Norhaiza bin Noordin kerana memberi peluang kepada kami menghasilkan kerja kursus ini dengan menyediakan kemudahan seperti tempat untuk temubual bagi memudahkan kami mendapatkan menyiapkan tajuk tugas kami.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dari awal lagi sejak tugas ini diedarkan sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini. Selain itu juga, kami mengucapkan terima kasih kepada puan kerana memberi kepercayaan kepada kami dalam menjalankan tugas ini sehingga jayanya.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit dalam menghasilkan kerja kursus ini. Tanpa sokongan dan dorongan kalian mungkin tidak dapat kami menghasilkan tugas ini dengan sempurna seperti rakan-rakan yang lain. Malah, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus menghasilkan tugas ini dan juga bertukar-tukar idea dalam membantu kami menyiapkan kerja kursus ini.

Akhir sekali, harapan kami agar segala tugas yang kami hasilkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan kami disamping dapat menjadi bakal graduan yang bertanggungjawab dan sebagai modal insan yang cemerlang. Selain itu juga, harapan kami agar dapat memberi manfaat kepada pembaca agar kita sama-sama menjadi seorang yang berpengetahuan luas dalam menyampaikan maklumat bukan sahaja dalam proses pembelajaran malah dalam kepada masyarakat setempat khususnya.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
<b>Transkrip</b>	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	02
Bahagian 3: Sejarah Pekerjaan Awal.....	03
Bahagian 4: Kerjaya.....	04
Bahagian 5: Sumbangan dan Pencapaian.....	05
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara.....	06
Diari Kajian.....	07
Senarai soalan.....	08
Surat Perjanjian.....	09
Gambar.....	10
Rujukan.....	11
Indeks.....	12

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh Encik Norhaiza Bin Noordin dan pelajar Alya Maisarah dan bersama Nurulainajwa mengenai sejarah seni warisan ukiran kayu serta kerjaya beliau dalam bidang tersebut. Bermula dari asal usul beliau hinggalah kepada beliau berjaya dalam bidang tersebut. Selain itu, bagaimana beliau boleh berminat dalam bidang tersebut dan menjadi seorang yang berjaya sampailah ke hari ini. Disamping itu juga, bercerita tentang pengalaman beliau bertatih dalam bidang tersebut dari mula-mula menceburi sampailah menjadi seorang tokoh yang disegani oleh masyarakat.*

**Kata kunci:** *seni, ukiran, tokoh, kerjaya, minat.*



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH

<b>Perkara</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Nama Penuh</b>	<b>Norhaiza Bin Noordin</b>
<b>Alamat</b>	<b>79, Jalan Jeteh, Kg. Raja 22000, Besut, Terengganu</b>
<b>No Kad Pengenalan</b>	<b>630220-22-5077</b>
<b>Umur</b>	<b>52 Tahun</b>
<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>SPM</b>
<b>Tahun Mula Bergiat</b>	<b>1983</b>
<b>Taraf Perkahwinan</b>	<b>Berkahwin</b>
<b>Bilangan Anak</b>	<b>2 orang</b>
<b>Pengiktirafan</b>	<ol style="list-style-type: none"><li><b>1. Karyawan Tamu Universiti Kebangsaan (UKM) (2009)</b></li><li><b>2. Residen Adiguru Universiti Putra Malaysia (UPM)</b></li><li><b>3. Anugerah Tokoh Seni Terengganu(2005)</b></li><li><b>4. Adiguru (2011).</b></li><li><b>5. Krafftangan Usahawan Kraft Kategori Sederhana(2009)</b></li><li><b>6. Anugerahkan Keusahawanan Terengganu(2013)</b></li><li><b>7. Calon Tokoh Karyawan Seni Negara (2015)</b></li></ol>

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Sejarah lisan atau kebudayaan lisan ialah salah satu cara untuk mengolah sejarah, sastera atau undang-undang daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya tanpa menggunakan sistem bertulis. Secara amnya, tradisi lisan merujuk kepada pemindahan budaya melalui suara atau vokal dan berlaku jangka masa yang panjang yang sepatutnya menjadi kunci kepada penerangan terutamanya terhadap orang-orang tua pada zaman dahulu. Sebenarnya, kaedah untuk mengumpul semua maklumat tentang sejarah mestilah mengikut peredaran zaman, perkembangan teknologi yang digunakan seperti pita rakaman yang digunakan semasa merakam perbualan soal jawab secara bertentang mata dengan tokoh tersebut. Proses mengumpulkan maklumat melalui kaedah temubual rekod melibatkan tokoh mengenai peristiwa atau pengalaman lepas serta cara hidup tokoh tersebut selepas melalui liku-liku kehidupan sehingga berjaya dan menjadi contoh kepada generasi yang akan datang.

Untuk menyiapkan tugas yang diberikan kepada kami berdua tentang sejarah lisan, kami berdua telah memilih Encik Norhaiza Noordin iaitu Adiguru Seni Ukiran Kayu. Sebelum memilih beliau, kami ada membuat kajian atau analysis terlebih dahulu tentang kerjaya beliau sebelum kami ingin memulakan temubual bersama dia. Kami telah bersetuju memilih beliau kerana mengagumi hasil kerja ukiran kayu yang dilakukan serta kegigihan beliau bermula dari bawah sampai berjaya sehingga sekarang ini. Kami berdua telah membuat temujanji dengan Encik Norhaiza Noordin bahawasanya kami akan menembual beliau pada 12/5/2015 di Kampung Raja, Besut, Kuala Terengganu. Proses temubual berjalan dengan lancar dengan mengambil masa selama satu jam sebelas minit bagi menemubual beliau. Kami berjaya menemubual beliau hasil daripada bantuan Encik Norhaiza Noordin sendiri yang sudi berkongsi maklumat dengan kami tentang kerjaya beliau dan penglibatannya dalam seni ukiran kayu ini. Dengan ini, kami telah berjaya merakam perbualan bersama beliau dan menterjemah setiap sebutan dan perkataan yang membawa kepada sejarah lisan ini terjadi.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah warisan seni ukiran kayu dan kejayaan Encik Norhaiza Noordin sebagai tokoh atau adiguru seni ukiran kayu di Negara ini. Selain itu, tahap kejayaan dan juga perjuangan yang telah beliau garapkan dari mula bergiat dalam bidang seni ukir sampailah ke hari ini . Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

NN: En.Norhaiza Noordin

AM: Alya Maisarah

NMD: Nurulainajwa Mohd Daud

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

AM : Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh..

NN : Waalaikumussalam.

AM : **Saya Alya Maisarah binti Abd Aziz, dari *Fakulti Pengurusan Maklumat [FPM] UITM [Universiti Teknologi Mara] Machang. Sebelum kita bermula ni..Kami ingin..saya ingin menemubual encik tentang sejarah ataupun latar belakang encik terlebih dahulu. Saya nak tanya, siapa sebenar nama tuan? (bunyi mesin)***

NN : Saya Norhaiza bin Nordin.

AM : **Apakah nama gelaran tuan?**

NN : Orang panggil Jaa..

**AM : Jaa. Nama gelaran?..(En.Norhaiza mengiyakan). Berapakah umur tuan?**

**NN : *Lima puluh dua* [52]..**

**AM : *Lima puluh dua tahun* [52 tahun]..Bilakah tarikh lahir tuan?**

**NN : *Dua puluh haribulan dua sembilan belas enam puluh tiga* [20 Feb 1963]**

**AM : *Sembilan belas enam puluh tiga*[1963]..okay, Dimanakah tuan dilahirkan?**

**NN : Di Kampung Raja. Disini.**

**AM : Di Kg Raja. Okay. Dimanakah tuan dibesarkan?**

**NN : Disini juga.**

**AM : Dimanakah tuan tinggal sekarang?**

**NN : Saya tinggal di Kg Raja *ni* [ini].**

**AM : Okay.. Siapakah nama ibu dan bapa tuan?**

**NN : Ibu saya Rahmah bt Yaakob, bapa Nordin Bin Mat Taib.**

**AM : Okay..Apakah pekerjaan mereka?**

**NN : Ibu sebagai suri rumah,ayah. Pegawai ukur ayah, *Pegawai Jabatan Ukur Malaysia*. [PJUM]**

**AM : Jabatan ukur. Okay.. Apakah pekerjaan mereka?**

**NN : Itulah,yang tadi..**

**AM : Berapakah bilangan adik beradik tuan?**

**NN : Kena bilang *dua belas* [12].**

**AM : *Dua belas* [12] orang..Siapakah nama isteri tuan?**

**NN : Isteri saya Che Rohayati Bt Che Abdullah.**

**AM : Berapakah umurnya?**

**NN : *Empat puluh tahun* [40].**

**AM : *Empat puluh* [40]..Berapakah bilangan orang anak tuan?**



NN : *Dua* [2] orang..

AM : Okay. Bagaimana tuan mendidik mereka?

NN : Mendidik dengan macam biasa.. Macam orang-orang lain juga.

AM : Adakah mereka mewarisi seni tuan?

NN : Belum lagi buat masa ini.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**AM : Okaylah, kita beralih pula ke sejarah pendidikan tuan. Berceritakan latar belakang tuan, bolehkah tuan ceritakan sejarah pendidikan tuan?**

**NN : Pendidikan saya sampai *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], *pastu* [lepas itu] saya tidak sambung lagi, saya lebih berminat pada bidang inilah.**

**AM : Oh okay..Apakah nama sekolah rendah tuan dahulu?**

**NN : *Sekolah rendah Tengku Mahmud*. [SRTM]**

**AM : Apakah nama sekolah menengah tuan dahulu?**

**NN : *Sekolah Menengah Tengku Mahmud*. [SMTM]**

**AM : Adakah tuan aktif melibatkan diri semasa sekolah menengah dahulu?**

**NN : Tidak.**

**AM : Apakah kenangan manis tuan sepanjang pengajian tuan?**

**NN : Tiada..seronok belajar saja.**

**AM : (ketawa).. Apakah kenangan pahit tuan sepanjang pengajian?**

**NN : Tiadalah pahit..kena tampar oleh cikgu saja lah..(ketawa)**

**AM : Apakah pencapaian terbaik yang tuan perolehi sepanjang pengajian tuan?**

**NN : Tidak seberapa bagus. Sederhana sahaja.**

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: SEJARAH PEKERJAAN AWAL**

**AM : Okay, sekarang kita beralih pula kepada sejarah pekerjaan awal tuan. Apakah pekerjaan awal tuan?**

**NN : Pekerjaan awal saya mengikut,, kawan pergi bekerja di *Singapore* [Singapura] sebagai buruh binaan.**

**AM : Buruh binaan...[serentak]bila tahun *tu* [itu]?**

**NN : Tahun *lapan puluh satu* [81]. Selepas tamat sekolah *SPM*. [Sijil Pelajaran Malaysia]**

**AM : Bagaimanakah tuan mula menceburi bidang tersebut?**

**NN : Bidang *tu* [itu]? Bidang seni bina *tu* [itu]?**

**AM : Sebelum ini semasa bekerja di *Singapore* [Singapura], encik terlibat dalam pekerjaan apa?**

**NN : Itulah..binaan lah..**

**AM : Binaan? *Selepas tu* [selepas itu] macam mana beralih arah ke bidang seni bina?**

**NN : Itu sementara. Selepas itu, kawan-kawan kan habis sekolah, lepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], apa yang kita nak buat? Tengok kawanlah. Kawan cakap**

mari pergi ke Singapura, gaji mahal, kita pergilah.

**AM : Ikut kawanlah? [ada orang datang ke pejabat beliau]**

**NN : Iya..[Ya]**

**AM : Pasal sejarah pekerjaan awal tuan, bagaimanakah tuan menceburi bidang tersebut? Seni ukiran kayu?**

**NN :** Pada tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984]. Jadi saya berulang balik ke Singapura ini *tiga* [3] tahun, kerja tidak kerja macam itulah. Bukan kerja sangat. Orang kata masa selepas sekolah, orang kata *release* [melepaskan]. *Release tension* [melepaskan tekanan]. Sukalah kerja, boleh duit. Orang baru boleh duit, kerja *tiga* [3] tahun, lepas itu, minat..saya mula minat *tu* [itu] di kawasan Kampung Raja, Kampung Lintang ini tempat orang mengukir. Terutamanya tempat itulah, Wan Su. Di alor lintang. Kat Caltex mula-mula, kat Caltex paling mula, sebelah kiri *tu* [itu] itulah tempat dia. Jadi, saya minat bermain disitu, tiba-tiba tiada rasa nak bekerja, nak belajar. Tapi, disitu rasa seronok, suka, jadi saya mintak lah dengan Wan Mustapha yang ambil alih kerja daripada ayah dia itu, maka bermulalah al-kisah sebagai pengukir pada tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984] pada bulan, kalau tidak salah, bulan April - yang itu cerita dia.

AM            **Jadi sebelum ini memang sejak dari kecil lagi ke berminat . [serentak] ke baru *start* [mula] bermula? Jadi *start* [bermula] bila mintak kerja dengan Wan Su tu [itu] lah?**

NN            Mintak kerjalah. Masa *tu* [itu] *tak* [tidak] kenal apa-apa lagilah. [serentak]

AM            **: Sebagaimana yang kita tahu, tuan amat berminat dalam bidang ini. Bagaimanakah minat tu hadir dalam diri tuan?**

NN            : (ketawa).. tidak tahu..dia macam ini, sesuatu benda ni, kita buat ini, kita kena kenal dulu. Kita kan buat.Kita rasa boleh, kita bukan kata,masa sekolah dulu kita minat nak jadi apa? Cikgu ajar kita nak jadi apa? Jadi doktor, jadi (bunyi mesin), dia tidak cakap suruh jadi posmen, suruh jadi cikgu, suruh jadi askar, suruh jadi arkitek, suruh jadi apa-apalah yang professional. Tapi masa sekolah dulu,kalu cikgu tanya nak jadi apa? Doktor. Orang *laki* [lelaki] nak jadi apa? Jadi askar, nak tembak orang. Jadi bila kita duduk, sebenarnya benda itu tidak adalah tapi belajar, akademik kta tidak---, kita tiada pilihan lah, jadi bila kita duduk dalam, orang kata tidak dalam akademik, jadi kita akan ikut orang-orang (telefon berdering) yang akan bagi kita peluang-peluang pekerjaan yang tanpa akademik. Jadi antaranya ialah tadilah, seni ukir. Kita duduk, jadi kita boleh ikut, daripada situlah mulanya mari rasa nak belajar, nak tahu, apa dia benda ini, maka dari situlah kita pun, okaylah. Kita pun duduk, banyak-banyak *advantage* [kelebihan] maksudnya dekat dengan rumah, mudah pergi dan mari, benda itu kita rasa boleh ikut, minat *tu* [tu] mari selepas *tu* [itu]. Kita tidak boleh kata minatkan? Kita tidak boleh kata minat. Maksudnya kita, contohnya minat ke berlakon macam mana? Kita tengok dulu baru minat. Bukannya saya minat berlakon, kita tidak tahu. Mana boleh. Kita kena tengok dulu, macam mengukir, buat dulu, dan aku *ni* [ini] boleh ikut, *try* [cuba] lah, dan dari situ bermulanya

minat. Dia tidak boleh masa sekolah, saya minat mengukir. Tidak boleh. Sebab sekolah tidak ajar kita benda macam itu. Jadi, minat itu mari selepas kita mencuba dan cari bidang-bidang yang sesuai dengan kita. Saya pun sebelum ini, kalau nak cerita panjang, bukan mari tiba-tiba jadi begini, tidak!. Kita cuba, duduk sini sehari tidak boleh, pergi kerja tempat lain pula. Maksudnya disitu, bukan melibatkan gaji *tu* [itu], tapi melibatkan minat. Duduk, tidak boleh duduklah. Tidak sedap. Cari kerja lain. Banyak benda. Ringkasnya, maksudnya kita jumpa benda ini, kita rasa boleh duduk dan masuk dengan---, masuk dengan orang kata angin. *Belaga angin* [sesuai dengan diri]. Maka, itulah sekarang, sampai *tiga puluh* [30] tahun dah saya dengan bidang ini.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: KERJAYA

**NMD** : Kita dah tahu dah encik ceburi bidang ini, dari umur, selepas *tiga (3)* tahun bekerja sebagai buruh kan, secara details lah (terperinci), tempat mua-mula sekali tuan belajar untuk ukiran kayu ni?

**NN** : Disinilah, di Alor Lintang *tu [itu]*, nama dia dulu *Balai Seni Ukir Wan Su [BSUWS]*, dan ditukar selepas beberapa tahun kemudian, kepada *Balai Seni Ukir [BSU]*, Balai Wan Po. Balai Seni Wan Po [anak kepada Wan Su] sampai sekarang. (bunyi benda jatuh).

**NMD** : Guru pertama yang mengajar tuan dalam ukiran kayu.

**NN** : Guru pertama, Wan Po dan Wan Su lah. Sekali lah, dua beranak *tu [itu]*. Wan Su *tu [itu]* dia tidak, tidak dipanggil apa, tidak secara rasmi, Cuma kita kena pergi tanyalah, dia orang tua. (orang datang ke pejabatnya) (bunyi mesin). Itulah, orang tua. Kita belajar secara rasmi oleh anaknya. Bila kita nak tahu lebih lanjut, nak rapat dengan orang tua, nak tambah ilmu, maknanya dua orang itulah guru pertamanya.

**NMD** : Boleh tak, *bagitahu [beritahu]* nama penuh Wan Su dengan Wan Po?

**NN** : Wan SU bin Othman. Wan Po, Wan Mustapha bin Wan Su.

**NMD** : Wan Mustapha dan Wan Su ini, kiranya tokoh ni ada lagi ke? (bunyi orang berjalan)



NN : Masih ada.

**NMD : Masih ada..dua-dua masih adalah?**

NN : Wan su *aje* [saja] yang dah meninggal.

**NMD : Dalam bidang ini, siapa inspirasi tuan? Kiranya macam idola tuanlah?**

NN : Jadi, sebelum *nak* [hendak] sebut idola itu, selepas saya belajar dengan dia, saya ada *empat* [4] *lima* [5] orang lagi guru.

**NMD : Boleh ceritakan?**

NN : Jadi guru sebenar saya ialah, idola sayalah. Selepas pada Wan Su dengan Wan Po, selama *empat* [4] bulan saya bekerja dengan mereka, saya bekerja dengan Tengku Ibrahim. Saya belajar dengan Tengku Ibrahim Tengku Wok. Di Jerneh, lebih kurang *sepuluh* kilometer [10km] dari sini. Jadi dia lebih banyak mengajar ukiran dalam bentuk ukiran seni halus iaitu sang cetun ulu dan sarung senjata , sang cetun ulu dan sarung senjata traditional selama *enam* [6] tahun saya duduk dengan dia, dalam masa yang sama, saya belajar juga dengan Latif bin Long, orang sini tapi bermastautin di Kota Bharu. En. Abdul Latif Bin Long, yang nama *company* [syarikat] dia Kelantan *Wood Craving*. [ukiran kayu] Itu pun saya tidak pernah belajar secara formal, bermakna saya pergi berjalan, ziarah *lepas tu* [selepas itu] tanya khabar dan juga adik dia, abang dia, Abdul Rahman bin Long yang berpindah ke Pengkalan Nyireh, lebih kurang *empat* kilometer [4km] dari sini. Saya selalu,tidak juga formal macam saya duduk dengan Wan Su, Wan Po, dan Tengku Ibrahim. Jadi dia

pun sibuk, saya pergi *gitu-gitulah* [begitulah] belajar *gitu* [begitu], selepas itu, saya belajar juga dengan arwah Nik Rasyidin. Ha, yang tu saya lama dengan dia. Jadi lamalah juga saya belajar dengannya. [serentak] Allahyarm Nik Rasyidin bin Nik Hussin. Jadi, disitu saya lama sangatlah dengan dia, maknanya masa saya duduk dengan Tengku Ibrahim, saya dah berjinak-jinak pergi belajar dengan dia dan sampailah akhir hayat dia. Saya duduk dengan dia. Saya belajar dengan dia.

**NMD : Kalau kira berapa tahun? [kira tahun] Sejak tahun?**

NN : *Start* [bermula] pada tahun *sembilan puluh* (90), sampailah dia habis umur pada tahun *dua ribu satu* (2001). Selama *sebelas* (11) tahun (bunyi mesin). Tetapi saya tidak formal juga- tetapi lebih, tetapi lebih, masa duduk dengan dia itu formal, tetapi tidak formal itu kita tidak ikut jadual lah, kita rasa nak pergi, kita pergi. Masa dia *free* [lapang] kita jalan, dia, itu namanya.

**NMD : Kiranya tidak ikut jadual lah?**

NN : Tidak-tidak...jadi idola saya sebenarnya kalau saya nak bercakap nak banding dengan *enam*[6] orang ini tidak baiklah, tidak elok. (bunyi mesin). Nak pilih *sorang*.[seorang] Jadi, untuk umum begini, itulah idola saya. Sebab saya cari guru ini untuk belajar. Jadi, masa belajar dengan orang ini, itulah idola kita. Bila kita habis menuntut dengan guru ini, dan guru-guru lain pulak, itu idola kita. Bermakna, idolalah itu. *Enam* [6] orang idola itu. (bunyi mesin)

**NMD** : **Jadi, enam [6] orang lah sejak tahun lapan puluh empat [84] sampailah sekarang ini?**

**NN** : **Sampailah sekarang ini. Jadi, guru saya yang masih tinggal lagi hidup, Wan Mustapha Wan Su dan Latif Long.**

**NMD** : **Yang lain semua tidak ada lah? Kita pergi secara *details* [terperinci] lagi, boleh tidak ceritakan secara *detail* [terperinci] sejarah bidang ni?**

**NN** : **Seni ukir?**

**NMD** : **Ya, seni ukir.**

**NN** : **Yang *keduakan*..[2]--- seni ukir ini, biasanya sebut tentang seni ukir, selalu orang berpakat tentang (bunyi mesin) kearah mari mana, biasanya orang kata, ukiran daripada Kelantan dan Terengganu. Tetapi lebih *details* [terperinci] lagi ialah, sebenarnya kita tengok di Besut, di Kelantan pun ada sebab Latif Long berhijrah disana, di Kelantan, masa tahun *tujuh puluh* [70]an, *lapan puluh* [80]an, masa disebut di Kelantan, Latif Long sebab dia kuat, banyak projek, disini, Wan Su, seorang lah sini dan Wan Mustapha. Jadi, maknanya disebut ukiran, jadi tulah, maknanya di Besut dan di Kota Bharu, Kelantan. Daripada situ, dia bercambah dari tahun-tahun pelajar dari tahun *tujuh puluh* [70]an, tahun *sembilan puluh* [90]an diorang buka sendiri dan berkembang.[serentak] Jadi saya adalah generasi yang ketigalah daripada akar umbi seni ukir bertapak dari *enam puluh* [60]an *tulah* [itulah]. Selepas merdeka, jadi seni ukir kayu ini dia wujud sebelum merdeka sebenar tetapi dia hilang sebab keghairahan pembangunan modennya, masa kemerdekaan *tu***

[itu], jadi sorang-sorang orang putih ni, Tan Sri Mubin Sheppard, yang juga pernah jadi residen ataupun *DO* [District Officer] di Besut ni, telah duduk sini lama dan berkenalan, dia tahu banyak perkara tentang ukiran maka selepas dia habis khidmat disini, dia pergi ke Kuala Lumpur bekerja sebagai pengarah muzium pertama, tu pengarah muzium pertama di Malaysia, Tan Sri Mubin Sheppard, dia masuk islam, dia orang British. Jadi disitu, disitulah dia menggunakan kedudukan dia membangunkan, membangunkan bidang seni ukir itu dimana Latip Long adalah orang yang dipilih untuk diangkat, [serentak] bukan tokoh, sebagai orang yang, orang yang dipililah, untuk mengangkat seni itu, kena pilih sorang. Masa tu, Latip long umur dalam *lima belas* [15] atau *enam belas* [16] tahun. [serentak] Dia muda lagi tetap ada kebolehan, jadi dia guna itu Latip Long dapat banyak kerja dan dia juga adaah salah sorang yang mengembangkan, sampai sekarang ini ramai pengukir yang ada kebanyakannya kena belajar dengan dia dulu. Kalau tanya pengukir-pengukir yang bukan baru-baru ni lah, tapi yang dah *dua puluh* [20] tahun, *lima belas* [15] tahun, yang [serentak] yang *bukak* [buka] *business* [perniagaan] ini, maknanya Latip Long ini adalah orang yang akan disebut. [serentak] juga Wan su dan Wan Mustapha. Orang lama yang dia kena sebut. Kalau tidak tiada, tiada pengiktirafan. Begitu, jadi yang ada lagi, dia *dua* [2] orang ini. Jadi itu sejarah pengukir. Sejarah pengukir, bukan sejarah ukiran. Sejarah ukiran ini panjang, maknanya kita kena ambil daripada susur galur ataupun dari sumber asal iaitu kita kena tengok sejarah, sejarah itu bila wujudnya, bila wujudnya tamadun melayu. Maka disitu wujudnya seni-seni, seni tari, seni apa pun wujud sekali dengan kewujudan, kewujudan budaya, (bunyi mesin) kewujudan kerajaan melayu. Bila tengok kewujudan kerajaan melayu pertama, mestilah dia pergi kepada kerajaan melayu Langkasuka, [serentak] tapi benda ini samar-samar orang siam, orang Selatan Thai, di Yala, ada orang kata di Kedah, ada orang kata di Pahang, di, ada juga yang kata di Sumatera. Jadi (orang hadir ke pejabat) selepas itu bila kerajaan tu wujud, maka wujudlah juga seni-seni kraf, seni-seni budaya, masa itu sekalila tu.

Jadi, seni ukir, bila bila ada kerajaan mesti ada wad, masa itu wad lah masa itu dia tiada masjid, tempat ibadat, istana, rumah-rumah orang besar, rumah-rumah kerajaan, masa itu, dan di situ, kena adalah seni bina-seni bina yang menidentitikan, menidentitikan gaya ataupun mewakili secara rasmi kerajaan itu sendiri. Jadi pengukir-pengukir masa tu, akan, maka satu satu jawatan, satu kementerianlah kita panggil, yang berkait dengan kebudayaan, kebudayaan ini kita pecahkan pula kepada ukiran kayu. Kita ambil ukiran kayu ini didalam sebuah, tempat ibadat, dalam sebuah istana mesti mengadaptasikan atau mengisi dekorasi-dekorasi ukiran yang memberi identiti kepada kerajaan itu. Nampak tidak?

**NMD : Boleh bagi contoh? Contoh---**

NN : (bunyi mesin) Contoh, kalau kita nak tengok kalau kita pergi ke balai besar, ataupun kita pergi ke istana di Kedah itu, istana balai besar juga yang ada ukiran, itu identiti Kedah. Bangunan tu, bangunan itu sendiri melambangkan identiti Kedah. Kalau di Terengganu kita pergi, bangunan itu identiti Terengganu. Ada disetiap-setiap *tu* [itu], dan raja-raja nak identiti itu. Kelantan dengan identiti dia begitu, itu bangunan tapi dalam bangunan pula identiti motif, bunga-bunga ini, ukiran itu. Di Terengganu bunganya begini, di Kedah bunganya begitu. Maknanya dulu tu begitu, sekarang ini kita ikutlah, tapi sekarang ini, tidak lagi ditekankan macam, sebab negara kita ini menekankan kepada pembangunan. Benda ini dianggap sebagai tradisi. Kebudayaan, kena habis duit pergi ke situ. Pembangunan dia kena buat duit. Jadi, ukiran itu mempunyai satu institusi yang menjaganya walaupun zaman dulu. Macam sekarang juga, institusi yang menjaga adalah diberi, di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Tetapi dibawah Kementerian Kebudayaan, ada *dua* [2], kebudayaan disini, pelancongan disini, ada *dua* [2], ada jabatan-jabatan yang memegang portfolio tu. Maksudnya jabatan yang

pegang sekarang ini ialah *Kraftangan Malaysia* [KM]. Perbadanan Kraftangan Malaysia.[PKM] Zaman dahulu pun ada juga begitu, tapi bukanlah nama kraftangan Malaysia. Dia adalah maknanya jabatan yang menjaga, [serentak] cuma dia mengikut zaman. Makna begitu, kita tengok dengan sekarang, samalah juga dengan dahulu pun. Dia begitu, jadi sekrang ini, sekarang kami semua pengukir ini dibawah jagaan,kelolaan Perbadanan Kraftangan Malaysia. [PKM]

**NMD : Boleh tak ceritakan kenangan pahit dalam bidang ini?**

NN : Nak cakap macam mana pahit. Bila pahitnya orang tidak tempah barang dengan kitalah pahitnya. (ketawa). Tiada kerja. Tapi benda *tu* [ialah] mana-mana pun akan adalah kan. Biasanya nak belajar, nak boleh ke pandai bukannya senang. *Tu* [ialah] pahit lah dan seksa. Tidak andai kena belajar lagi. Macam periksa lah, orang *pass* [lulus], kita tidak *pass* [lulus], menangislah. *Pass* [lulus] suka. begitu juga dengan lepas kita pandai kita nak menempuh *satu* [sesuatu], *satu* [sesuatu] *ni* [ini] kita kena belajar buat, nak belajar buat *ni* [ini] orang kata seksa dah situ. Bila kita pandai, bukan senang nak pandai, bila pandai bukan senang nak dapatkan kerja ataupun tempahan daripada orang. Itu kena lalui satu proses pula. Pandai-pandai dah, tapi bila pandai nak buat apa? [serentak] jadi kita kena buat promosi, maknanya kita kena pandai buat pengurusan pula, *marketing* [pasaran] pula. Lepas *tu* [itu], bila orang dah kenal, masalah saingan pula, bila orang dah suka kita, saingan pula. *Hok ni* [yang ini] buat itu, yang ini jual murah, yang ini jual mahal. Sudah, masalah tiada kerja. Itulah pengalaman-pengalaman sebenarnya. Pahit manis itu dalam itulah. [serentak] pahit disitu, manis pun disitu.

**NMD : Contoh manis *tu* [itu]? kenangan manis itu?**

NN : Boleh kerja besar, bila dapat *payment* [bayaran]. Bila dibagi pengiktrafan oleh kerajaan, itulah, daripada usaha kita.

**NMD : Kalau kira dah [sudah] berapa tahun dah [sudah] dalam bidang ini?**

NN : Tadi *bagitahu* [beritahu] dah [sudah] *tiga puluh* [30] tahun, *dah* [sudah] tahun lapan puuh empat [84], tahun dua ribu empat belas [2014] [serentak].

**NMD : Kalau kira nak masuk tiga puluh satu [31] lah.**

NN : Tua dah umur, umur ilmu saya.

**NMD : Mula-mula, boleh tidak ceritakan sedikit [orang menyampuk] mula-mula diiktirafkan oleh kerajaan, tahun mula-mula diiktirafkan sebagai adiguru?**

NN : (bunyi mesin) Adiguru pada dua ribu sebelas [2011]. Tapi saya ada juga pengiktrafan-pengiktirafan lain, yang daripada Terengganu, saya dapat anugerah tokoh seni terengganu dua ribu lima (2005), selepas itu, pada dua ribu sembilan [2009] dapat daripada kraftangan usahawan kraf kategori sederhana, dua ribu sebelas [2011] dilantik adiguru kraf bahagian ukiran kayu, selepas itu dua ribu tiga belas [2013] dianugerahkan keusahawanan Terengganu, kategori pelancongan kraf dan warisan. Tahun ini dicalonkan anugerah tokoh negara - Tinggi sekali - Dicalonkan baharu.

**NMD : Boleh bagitahu [beritahu] Apa itu maksud adiguru?**

NN : Dia mesti keno [jadi] adiguru dahulu baru tokoh Negara. Adiguru ini ialah guru pertama, guru yang utama dalam bidang ini, dan adiguru ini *lima* [5] orang setahun dipilih. Dia akan dipilih, *lima* [5] orang setahun dalam pelbagai bidang.

**NMD : Jadi, *lima* [5] orang setiap bidang kah?**

NN : *Lima* [5] orang setiap tahun dalam pelbagai bidang dan mestilah berumur *lima puluh* [50] tahun dan keatas. Saya dapat ini pada umur saya *empat puluh sembilan* [49] tahun. Jadi, saya memecahkan tradisi inilah. *Lima puluh* [50] tahun ke atas akan dapat.

**NMD : Jadi, tuan lah yang dapat anugerah adiguru ini pada umur *empat puluh* [40] lebih?**

NN : Bukan. [serentak]. Bukan sebelum, tapi di bawah umur *lima puluh* [50] tahun. [serentak].

**NMD : Peristiwa yang paling tuan ingat dalam bidang ukiran kayu ini?**

NN : Peristiwa, tiada. Semua peristiwa yang melibatkan saya dan yang saya terlibat, sesuatu yang berlainan dan yang menyeronokkan, dan memberi kesan kepada saya iaitu saya banyak buat *travel* [jelajah], saya buat *travel log* [log jelajah], saya buat *sculpture* [patung], saya pergi ke London pada tahun *sembilan puluh sembilan* [99] dengan arwah Nik Rasyidin, saya pergi buat *research*



[kajian] dengan orang berseorangan di universiti, dua minggu. Jadi di situlah saya buat *sculpture* [patung] - saya rakamkan, dimana mereka tidak bagi saya ambil gambar, jadi saya lukislah. Itu antara yang menyeronokkan. Saya bukan seorang yang tukang yang sepenuh masa seperti tukang-tukang yang lain, yang duduk dan buat pertukangan saja, saya juga seorang yang mengkaji, yang memberi maklumat kepada orang, saya sendiri juga telah dilantik sebagai karyawan tamu di Universiti Kebangsaan (UKM) pada tahun *dua ribu sembilan* [2009]. Di dalam akademik saya juga terlibat dan menyiapkan satu buku diantaranya dan pada tahun *dua ribu empat belas* [2014] saya dilantik oleh *Universiti Putra Malaysia* (UPM) sebagai residen adiguru, dimana saya kena menyumbang tenaga saya dalam bentuk *talk* [ucapan] bila ada bengkel-bengkel atau seminar. (serentak). Bila saya duduk begini, ada universiti yang datang secara rombongan, *UITM* (Universiti Teknologi Mara) pun setiap tahun datang, *fine art* [seni halus], kerana saya ini terlibat dalam bidang yang mereka belajar. Juga universiti-universiti yang ada fakulti-fakulti *architecture* {bidang arkitek}, seni bina dan juga yang berkaitan dengan seni. Kiranya banyak lah universiti yang datang dan dari situ lah orang tengok, mungkin, kemampuan saya dan memberi peluang kepada saya dan mereka juga dapat maklumat daripada saya. Jadi, saya dilantik di *UKM* (Universiti Kebangsaan Malaysia) secara rasmi.

**NMD : Bagaimana tuan membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?**

NN : Yang itu, tidak tahulah macam mana nak terangkan, sampai masa untuk ambil mereka dari sekolah, saya ambikkan, saya bekerja dengan keluarga saya, isteri saya didalam--- dan rumah saya pun di sekitar ini saja. Dan bekerja secara berasingan, suami di Kedah, isteri di Johor, (ketawa) jadi, kita bukan begitulah. Contohnya macam cikgu, seorang di Sarawak, seorang disini, kadang-kadang ada yang *sepuluh* [10] tahun kahwin masing-masing

berasingan. Macam kami tiada masalah kerana kerja bersama. [serentak] adik beradik saya ada dalam dua tiga orang. Isteri saya sebagai pengurus di sini, dan saya sebagai sayalah, jadi dia yang pengurus semuanya. Jadi, Alhamdulillah, cara pengurusan masa itu baik kerana semuanya ada di sini, makan tengahari pun boleh sekali dan tiap-tiap hari, melainkan saya ada *outstation* [kerja di luar], begitulah.

**NMD** : **Macam yang kita tahu, tuan ada *tiga* [3] jenis empayar atau *tiga* [3] jenis syarikat, *so* [jadi], boeh ceritakan sedikit, kalau tidak silap saya, kita cari dalam internet, ada *tiga* [3], tapi saya lupa apa namanya.**

**NN** : Ada *Bakawali Sdn. Bhd* [BSD], *Seni Ukir Bakawali* [SUB] yang saya sendiri, Tunjang Bakawali saya dengan isteri saya. Dulu ada satu lagi saya dan juga adik saya iaitu *Bakawali Out of Star* [BOS], tapi telah dibubarkan. Sekarang hanya ada dua sekarang tetapi ada lagi satu, rumah lama saya itu, saya panggil *Bakawali Sari Warisan* [BSW], dalam pagar itu di mana saya tempatkan untuk pelajar-pelajar yang buat *appointment* [temujanji] dengan kita nak buat aktiviti apa, saya guna di situ lah. Orang yang belajar megukir atau buat kajian juga ada pakej-pakej dan mestilah kena bayar dan ada juga galeri di dalam itu untuk peserta-peserta yang berkaitan tadi untuk buat rujukan. Yang ini saya buat kormesial dan untuk orang yang ingin tahu lebih mendalam lagi. Dan saya pula akan ada aktiviti bermula *lapan belas* [18] hingga *dua puluh tiga* [23] haribulan ini daripada *Jabatan Penjara Malaysia* [JPM], yang tenaga pengajar mereka, pengajar khas datang disini untuk belajar tambah ilmu selama *lima* [5] hari. Mereka sudah *deal* [berunding] dengan kami dan mereka datang dari seluruh Malaysia seramai *sepuluh* [10] orang.

**NMD : Kiranya sekarang ini memang ada *tiga* (3) lah?**

NN : Ada *tiga* [3]. Maknanya saya buat satu untuk ukiran atau tempahan, buat pintu, rumah, dinding, semua pengukir begitulah yang ada di Malaysia ini satu, sama dengan orang lain. Yang kedua, saya buat ukiran yang sudah siap, *ready made* [sudah siap buat] macam kotak-kotak, yang kamu nampak atas meja ini, *ready made* [sudah siap buat] yang siap, kita pasarkan, kita ikut kraftangan yang Malaysia Board, kita ikut pameran-pameran besar dimana festival, kita ikut. Termasuk luar negara pun. Kita pernah ikut New York, Dubai, London, Frankfurt, German. Bila kita dah ikut, kita jual dan orang akan tempah. Yang ini [serentak] dibawah Tunjang Bakawali. Sebab seni ukir ini banyak projek, projek nak buat mimbar, nak buat masjid, jadi yang ini Tunjang. (menunjukkan tempahan) yang ini tempahan daripada istana Kelantan, sebanyak *seribu* [1000] kotak setiap satu [satu], jadi secara berbeza. Sebuah pintu berharga *dua puluh ribu* [RM20,000]. Tempahan yang tadi. Yang ini sebuah harganya dalam *tujuh puluh* [RM70], *lapan puluh riyal* [RM80] sebuah. Ini berbeza kerana *ready made* [sudah siap] tapi bila tengok, cantik, dia akan tempah banyak. Nombor *tiga* [3], saya buat *department* [jabatan] yang menjana duit juga dalam bentuk mengajar, mendapat pendapatan dari segi mengajar [menyampuk], di bawah *Bakawali Sari Warisan* [BSW]. Kalau seni ukir ini, mesti mengukir mendapat duit, memberi maklumat juga dapat duit. orang yang nak belajar mengukir, kita sediakan kemudahan--- [menyampuk].

**NMD : Dalam setiap empayar ini tuan dan isteri tuan lah yang uruskan?**

NN : Saya dan isteri yang uruskan dan kita ada orang yang akan buat tempahan ini. Biasalah kan.

**NMD : Bagaimana timbulnya idea membina empayar sendiri?**

NN : Empayar ini *business* [perniagaan] besar. Tiadalah, dulu kita buat, tiada *competition* [persaingan], tiada persaingan, tapi selepas ramai sudah menceburi bidang ini, ada orang ceburi, jadi ada persaingan. Maka harga kena rendah. Bila harga kena rendah, kita tidak mampu bersaing dengan mereka. Jadi terpaksa kita kena *pikir* [fikir] jalan lain, cari jalan lain. Orang lain sudah ada, jadi nak sampai sekarang [menyampuk] jadi kita *pikir* [fikir] jalan, kita buat barang, kita kena *pikir* [fikir], kita kena *study* [belajar] apa orang suka dalam bentuk kotak apa semunya, kita buat kotak-kotak bunga, kotak *perfume* [wangian], kotak tisu dengan harganya di bawah harga *seratus* [RM100]. Jadi Alhamdulillah, yang itu ada banyak permintaan. Jadi itu satu usaha. Kalau pintu tidak boleh orang tempah, nak yang macam itu, baru kita buat sebab itu jadi mahal. Kita tidak boleh buat pintu yang sudah siap, tidak boleh kerana saiz pintu rumahnya saiz lain-lain. Jadi yang itu kita tempah khas. Jadi bidang ini orang ceburi ramai. Bidang ini banyak dapat duit. Kalau yang sudah siap, kita kena pakai duit dahulu dan tidak tahu orang akan beli atau tidak. Orang tempah cakap nak bayar *sepuluh ribu* [10,000] baru kita buat. Tapi tu masalah dia persaingan [menyampuk]. Yang saya buat sejak lima tahun ini yang Seni Warisan, khidmat *knowledge* [pengetahuan], khidmat maklumat (gangguan daripada orang luar). Maknanya bidang yang baru saya ceburi ni menguntungkan juga dan tiada persaingan. [menyampuk]. Tiada orang buat lagi macam saya. Bukan senang nak bagi maklumat, kena ada maklumat barulah senang nak bercakap. Kena ada maklumat yang jelas, yang banyak, maklumat yang kukuh. Barulah boleh.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5 : SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN TOKOH

**NMD** : **Berapa bilangan pekerja yang ada sekarang ini lah?**

**NN** : Dalam lebih kurang lima belas orang begitulah *lima belas* [15] [serentak].

**NMD** : **Macam kalau ada orang nak mari mintak kerja kalau kira, Macam mana cara dia?**

**NN** : Bergantung, salah satu kita nak ada pengalaman sedikit, lepas itu dari segi kerja itu selalunya bila ada keperluan - bila perlu kita akan cari dan akan buat *interview* [temubual] macam biasa.

**NMD** : Ada *interview* [temubual] jugak la

**NN** : Kita kena lah -----

**NMD** : **Seterusnya untuk kerjaya di luar daripada Malaysia lah. Mula-mula, kerjaya tuan bertapak di mana?**

**NN** : Di sini.

**NMD** : **Di luar negara?**

NN : Tak ada, dia bukan bertapak – [serentak]

NMD : Mula-mula memperkenalkan ---

NN : Kita dapat tempahan lah maksudnya. Kita ada banyak membuat pameran pada *dua ribu empat* [2004] dan *dua ribu lima* [2005]. Kita buat pameran “*Spirit of Wood*” [Semangat Kayu] di London dah, kita buat dah pameran “*Spirit of Wood*” [Semangat Kayu] dekat London bersama allayarham tetapi dia dah meninggal dia tak *dok* [tiada], tak *dok* [tiada]. Sayalah yang *op* [masih] hidupnya. Jadi balik tu, saya dapat order tempahan daripada Oxford University di Oxford, Oxford Islamic, Oxford Islamic Center di [UK] United Kingdom *dua ribu enam* [2006] sampai *dua ribu sebelas* [2011]. Saya buat untuk - Islamic Center yang itu di luar negaralah, yang lain ada lah sedikit-sedikit orang tempah untuk *tourism* [pelancongan] di Paris, ukiran di *lobby* [lobi] *tourism* [pelancongan] Paris dan lepas tu ada restoran di [UK] United Kingdom ada lah sedikit- sedikit begitulah dan tak banyak sangat lah.

NMD : **Dalam pengalaman tuan bekerja kiranya di luar negara lah, Dengan siapa tuan bekerjasama dengan itu tadi? Ada ramai ke ataupun seorang ke?**

NN : Kita ada *team* [pasukan] [serentak], kita buat-buat di sini dan lepas itu *team* [pasukan] kita di sana dah ada sambung jer lah. Oleh kerana sama, cuma kita pergi tengok dan kos di sana sangat tinggi dan kita tidak boleh bawak pergi ke sana, bila bawak ke sana kena penginapan, elaun tinggi, orang sana *duk* [sedang] tunggu dia pasang.---

**NMD** : Kiranya, pasang dalam luar negara begitulah dengan eksport ke luar negaralah

**NN** : Hantar pergi, orang-orang *group* [kumpulan] di sana pasang.

**NMD** : **Faktor yang tuan fikir kenapa tuan perlu memperkenalkan legasi ini sampai ke luar negara? Kiranya benda ini sampai ke luar negara.**

**NN** : Itu mungkin nasib jugak sebab kalau *kelih* [tengok] orang lain samalah begitu jugak. Begitu jugak dengan orang lain pun tetapi inilah nasib saya masa itu, Allah S.W.T nak bagi dan dapatlah kita - mungkin kita kenal-kenal orang itu mendorong kita untuk dapat pekerjaan.

**NMD** : **Bagaimana penerimaan orang yang berada disekeliling tuan?**

**NN** : Ukiran ini susah sikit; tapi bila semua orang bercakap semua ukiran ini hebat, bagus, cantik, comel, mahal (ketawa) tapi tak ada buat tu tempah tu tak *dok* [tiada] lah. Golongon- golongan tertentu sahaja - dia bukan seni ukir ini adalah satu fungsi hiasan, dia bukan fungsi keperluan - kita kalau kita bermakna *ike* [ikan] pun kena beli *aye* [ayam] harga pun mahal ke murah kena beli. Ukiran ini kalau kita buat pintu kita tak *bubuh* [letok] boleh guna tak pintu? Kalau tak ada ukiran boleh tak pakai? Pintu kita tak *bubuh* [letok] ukiran boleh tak guna? Pintu lah buat pintu lepas itu kita tak letok ukiran boleh guna tak pintu? Boleh kunci tak pintu? "bolehlah". Maksudnye ukiran ini ialah *make up* [alat solek] sahaja, kalau tak pakai

*lecu* [pelembap bibir] - boleh tak *tubik* [keluar] pergi keluar shopping - begitulah maksudnye ukiran itu adalah alat *make up* [alat solek] - hiasan tak akan tak boleh *tubik* [keluar] tak begitu jugak dengan ukiran. Maksudnya, orang yang ada duit sahaja yang mampu dan yang ada duit ini ramai ke *dok* [tidak]? - “tak ramai” dan kalau ada duit pula kita pecah suku jah yang ada duit itu nak guna untuk beli ukiran ini. Jadi kecil, bilangan ini sangat kecil jadi sempit - inilah seni ukir kalau saya - analisis saya, ukirannya begitu. Jadi tak semestinya kita buat kotak tisu, kalau tak *bubuh* [letak] ukir boleh tak buat dia sebagai kotak tisu? “bolehlah”. Kalau ukir lagi comel [serentak], - comel itu kalau orang dah *budget* [bajet] duit tak akan jadi lah, maksudnya orang tak akan beli lah kalau ukiran itu orang tak akan bayar, maksudnya begitu - dia ini orang kata agak terpencil bidang dia itu.

**NMD : Lepas itu siapa yang menggalakkan tuan untuk lebih berjaya? Macam tulang belakang lah. (ketawa)**

**NN :** Berjaya lepas itu kita kena tengok kita tak boleh nak cari duit sahaja kita kena menyumbang, maknanya ialah membantu orang susah - orang rumah isteri mendorong juga lepas tu kawan-kawan lepas itu kawan kenalan kita yang akademik dan sebagainya - kalau nak sebut individu --- tapi sebenarnya kejayaan itu kejayaan dalam bentuk orang kenal kita dalam *top ten* [sepuluh teratas] dalam bidang-bidang itu. Sebenarnya dia berpunca daripada kita, bukan buat dia sahaja – kita sebab sebahagiannya kita menyumbang, sebahagiannya kita mencari keuntungan cari bisnes, sebahagian kita kena sumbang macam ini ni menyumbang la ini. Maklumat orang nak kita bagi bukan kata kena tidak membantu bagi derma orang tidak - maknanya menyumbang apa yang kita dapat kita bagi



kepada orang yang memerlukan. [serentak] - kalau kita dapat bagi benda-benda begini macam orang ulamak berkata kena beribadat *satu per tiga* [1/3] maknanya *satu per tiga* [1/3] lagi kena cari makan *satu per tiga* [1/3] lagi kena apa dia adalah dalam agama. Begitu jugak kalau tak jugak, carilah makan tak kenalah - kena ada bahagikan tiga bahagian ke [serentak] empat bahagian ke bermakna kita boleh *etek* [sesuatu] beri *etek* [sesuatu] - dapat ambil dan bagi itu antaranya orang kata kepercayaan itu terhasil daripada benda-benda tadilah – jangan kira nak cari *pitih* [duit] jah, [ketawa] okay. [serentak].

**NMD** : Kita pergi kepada *next session*, [sesi seterusnya] **Sumbangan dan pencapaian, Macam pencapaian pertama yang tuan dapat?**

NN : *Takdi* [tadi] lah *ceghito* [cerita] dah *takdi* [tadi].

**NMD** : Yang mula-mula sekali tahun *dua ribu* [2000] macam itulah.

NN : Bukan senang nak masuk hari ini boleh selalu tak boleh “lama”, orang ini nak tengok dan menilai kita *check* [semakan] balik tengok.

**NMD** : **Bagaimana tuan boleh melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti yang besar?**

NN : Maksudnya?

**NMD : Macam aktiviti yang besar macam dekat luar negara itu pameran.**

NN : Itu bila kita ada *link* [perhubungan] dengan kerajaan Malaysia, dia ada peruntukan untuk membantu mempromosikan dan dia akan pilih orang-orang yang dia rasa layak untuk pergi ikut dia punya legasi penjualan perdagangan dia panggil – *link* [perhubungan] lah maksudnya *cable* [kabel] maknanya kita di bawah payung kraftangan sendiri lah.

**NMD : Macam dalam ukiran kayu ini, Sumbangan yang terbesar untuk diri tuan sendiri?**

NN : Sumbangan?

**NMD : Macam yang bentuk sumbangan yang besar untuk diri tuan sendiri, Macam yang boleh meningkatkan tuan ke lebih kerjaya ini lebih berjaya.**

NN : Kalau sekarang sebenarnya, Saya memegang jawatan sebagai Yang Dipertuan Persatuan Pengukir Malaysia [PPM]. Maknanya dua orang ahli itu dibawah persatuan inilah.

**NMD : Kiranya tuan pengerusi Yang Dipertua.**

NN : Kiranya pengerusi sekarang ini, jadi kalau nak bercakap dalam skala yang besar jadi kita akan cuba mengumpulkan pengukir-pengukir ini untuk

mendapatkan apa-apa masalah yang ada kita kumpul dan bawa pergi ke kementerian - baru dia terima dengan suara ramai ini. Jadi, itu antara kita buat sesuatu yang agak orang kata macam benda yang besarlah untuk membantu meningkatkan pendapatan pengukir, meningkatkan cuba membanteras pengukir-pengukir luar daripada masuk berleluasa. Maksudnya kita cuba bekerjasama dengan pihak kerajaan macam mana mereka boleh membantu - macam itulah perabot-perabot dari Indonesia. Adakah kita boleh *sekat* [hentikan] kalau tak boleh *sekat* [hentikan] pun tak apalah, Kita tanya kenapa tidak boleh sekat ini? - akan menjejaskan pendapatan pengukir kat Malaysia ini. Itulah antara sumbangan melalui persatuan kalau dari individu *payoh*. [susah]

**NMD : Boleh nyatakan salah seorang orang kenamaan yang suka ataupun yang selalunya tempah daripada pihak tuan?**

**NN :** Dulu kita ada menteri Tan Sri Rais Yatim yang memegang portfolio menteri pelancongan, menteri Kebudayaan komunikasi dan pelancongan. Sekarang ini tiada - dialah yang banyak membantu. Dia pernah datang dekat sini lepas itu masukkan diri --- kita ada menteri daripada Sultan Selangor - pernah saya berjumpa dengan dia dan berminat dengan benda-benda begini - bekas menteri besar Tan Sri Nazri Aziz sendiri pun pernah datang - Datuk Seri Nazri Aziz lepas itu adalah beberapa orang kenamaan lain saya dah tidak ingat nak sebut adalah yang berminat. ---

**NMD : Macam kalau setiap tahun, Pada bulan berapakah selalu tuan buat seminar ataupun bengkel untuk pengukir-pengukir ini?**

NN : Seminar bukan saya buat tapi kita bekerjasama kalau dengan persatuan dengan universiti dan juga dengan lain-lain lah - bukan kita tetapi kita mengesyorkan ataupun dia boleh mintak setahun biasanya ada sekurang-kurangnya satu, dua, tiga biasalah. ---

**NMD : Untuk setiap tahunlah, selalunya universiti yang terlibat itu.**

NN : *Universiti Malaya* [UM], *UITM* [Universiti Teknologi Mara] sendiri, *UTM* [Universiti Teknikal Malaysia], *UPSI* [Universiti Pendidikan Sultan Idris].

**NMD : Yang memang terlibat.**

NN : Yang ada ialah dari fakulti senibina dan *fine art*. [seni halus]

**NMD : Boleh tak terangkan contoh-contoh yang paling kalau kira paling popular? Contoh-contoh ukiran kayu yang paling popular di Malaysia ataupun memang orang berminat untuk membuat tempahan.**

NN : Contohnya macam itulah macam pintu *interior* [dalaman] dalaman, maksudnya *interior design*, [hiasan dalaman] hiasan dalaman pintu bangunan disamping kita buat pagola, wakaf hasil-hasil orang minat.---

**NMD** : **Untuk pergi ke cabaran yang paling tuan ingatlah dalam bidang ini.**

NN : Cabaran biasanya kita ini dibawah - biasanya sekarang ini, kerja-kerja kontrak dibawah kontraktor. Kontraktor yang *control* [kawal] kita jadi kalau kontraktor *control* [kawal] kita akan jadi subkontraktor, kontraktor akan memainkan peranan di mana kalau kontraktor yang jujur dan ikhlas dia akan bayar duit kita sebab dia berkuasa dia nak bayar atau tak nak bayar. Kita perlu bekerja dibawah dia - itulah cabaran yang paling besar kadang-kadang, kita tidak dibayar buat- buat kerja siap tidak dibayar. Itulah yang paling besar yang banyak berlaku kepada pekerja-pekerja lain.

**NMD** : **Cara tuan mengatasi cabaran?**

NN : Susahlah sebab kita sendiri tidak ada kuasa atau kerajaan, tidak bagi kuasa - dia bagi kuasa kepada kontraktor sahaja.

**NMD** : **Macam untuk persaingan yang paling besar sekali.**

NN : Pesaing ialah ukiran dari luar negara macam China, Vietnam dan Indonesia mesti ada masuk. Itulah cabarannya sebab kita nak *melawan* [persaingan] harga - dia kita tak dapat sebab harga dia murah kita *labour* [buruh] kos kita tinggi *labour* [buruh] dia bayar *lima ringgit* [RM5.00] ringgit sehari, Kita kena bayar *empat lima puluh ringgit* [40,50] sehari sepanjang dia mari pun dia nak *lima enam puluh ringgit* [50,60] jugak - samalah [serentak] tak ada guna jugak.

**NMD** : **Macam untuk idea sesetengah idea itu, Adakah idea itu datang daripada tuan sendiri ataupun tuan ada jugak dengar idea dari orang lain? Macam itulah.**

**NN** : **Macam itulah biasalah. -----**

**NMD** : **Dalam macam ukiran kayu ini paling lama untuk disiapkan berapa masa.**

**NN** : **Bergantung kepada saiz dan benda kita tengoklah kalau besar lambat kalau kecil cepat.**

**NMD** : **Kalau lambat memakan masa bulan ke tahun ke.**

**NN** : **Bergantung kepada ---**

**NMD** : **Paling lama.**

**NN** : **Benda itu macam mana kena tengok dulu?**

**NMD** : **Contoh untuk kayu ukiran pintu paling lama berapa.**

**NN** : **Itu dua minggu siap ukiran dan tapi nak siap benda lain - nak sedia kayu nak dekat sebulan jugak, tiga minggu ke sebulan.**

**NMD** : **Paling lama itu sebulan lah. Contoh kalau ada generasi muda yang memang berminat untuk melangkah masuk ke bidang ini.**

NN : Dialu-alukan macam itulah melalui proses kena belajar dulu. Sekarang pun dah ada institut-institut yang memberi peluang untuk belajar. Satu di institut *Kraf Negara* [KN] di Rawang, dan nombor dua di TTITC di Kuala Berang, juga di Desa Ukir di Kampung Raja - ukiran kayu depan balai polis masuk dalam.

**NMD** : **Kalau dalam bidang ukiran kayu ini, Bagaimana dia boleh membantu untuk meningkatkan ekonomi negara?**

NN : Itu yang kita tengah usahakan susah sedikit sebab dia tidak banyak pengukir. Itu tidak ramai, tidak banyak sangat sebab dia ukiran ini sebagai *make up* [alat solek], sebagai hiasan. Jadi dia tidak sangat membantu cuma ukiran-ukiran ini banyak dibuat di tempat-tempat berprestij yang bangunan-bangunan yang hebat-hebat adalah ukiran itu.

**NMD** : **Macam kalau untuk generasi muda ini, Bagaimana cara kita untuk menarik minat *diorang* [mereka] dalam bidang ini?**

NN : Situ kita kena cari jalan di mana supaya orang tengok benda ini boleh jadi macam profesion yang nampak *glamor* [popular] sedikit. *Glamor-glamor* [popular-popular] ini bermaksud orang minat. Ini kita kena tunjuk kredibiliti kita, kena tunjuk kemampuan kita dalam menangani

---. Kita kena buat banyak pameran, buat pameran macam saya sendiri pun tahun ini In Shaa Allah saya akan membuat pameran di Berlin. Pameran - jadi bila ada orang dengar baguslah saya pun nak jadi pengukir *etek* [jugak]. Ini memberi minat pertama kepada generasi muda. Selain daripada kita membuat *statement*, [kenyataan] kita banyak bercakap tentang seni ukir - hubung kait kita dengan masyarakat - ukiran ini ada kaitan dengan kita dia bukan benda yang asing daripada masyarakat kita. Macam mana kita nak kaitkan dia sekali sebabnya kita tengok ukiran ini perlu sebab kita tengok rumah orang cina pun kalau lalu perumahan kita nampak tuan dia - bila kita lalu kita nampak dan mengecam apa dia? Rumah cina, tokong dia merah [serentak] [ketawa] - kita nampak daun-daun buah pauh --- melayu apa yang ada? 'tak ada' macam kita tak ada identiti, kosong cubalah letak tanda *trademark* [tanda] apa-apapun yang boleh dipegang yang boleh memberi identiti mengenal identiti - itu adalah antara kita boleh berdepan supaya kita dapat orang boleh menerimanya untuk menarik minat - dah kurang bagilah imej muka atau wajah supaya orang kenal orang kenal kita sebab kita sendiri pun nampak dia itu serupa muka cina, dia itu serupa muka India yang itu muka macam orang putih, yang itu macam muka orang Arab orang kita sendiri pun kalau ada identiti pun tiada. Kalau boleh bercakap baru ada kalau dia senyap sahaja --- tak boleh itu orang *bangla*. [orang Bangladesh]

**NMD** : **Jenis-jenis bahan mentah yang digunakan untuk ukiran kayu?**

NN : Keutamaan kita kepada kayu cengal mungkin ada kayu pilihan lain sekarang ini kayu merbau, kayu nyatoh - sekarang ini kita buat untuk produk-produk guna kayu pisang yang itu untuk komersial. Kayu cengal adalah pilihan utama.



**NMD** : **Kalau kayu jati kita tidak guna.**

**NN** : Jati kita tidak guna sebab kita bukan di Indonesia, Malaysia tidak ada kayu jati, kita mudah nak kenal kayu *Indon* [Indonesia] dengan kayu Malaysia. Kayu balau bukan untuk ukiran untuk *sculpture*. [arca patung]

**NMD** : **Apa keistimewaan kayu cengal ini?**

**NN** : Tengoklah ini dia halus lembut, berat dan tahan lama.

**NMD** : **Ini contoh kayu cengal, Kalau untuk perumahan lama apa beza antara kayu daripada pokok durian itu dengan kayu pokok mangga?**

**NN** : Durian ada sesetengah orang membuat kayu tapi tidak tahan dimakan oleh bubuk tetapi komersial untuk masa sekejap lima atau enam tahun - boleh harga *lima puluh* [50] kalau rosok pun tidak kisah lah tetapi kalau nak tahan lama untuk buat bangunan tidak boleh - dia untuk perabot itu boleh - kalau untuk kayu cengal tidak apa.

**NMD** : **Sebab ada sesentengah rumah itu kalau pergi kita tanya guna kayu apa? Ini kayu daripada pokok mangga contohnya --- Untuk pewaris sekarang ini ada pewaris.**

**NN** : Ini tidak ada waris, Kalau kita ada kita tak nak. Saya dapat pun dari

mewarisi enam orang guru bukan anak beranak pun - dan anak orang pewaris itu seorang *habok* [tidak ada] pun tak leh. Pewaris jugak, dia bukan pusaka nak bagi kalau harta itu bolehlah tapi ilmu tidak - untuk sesiapa yang berminat sesiapa yang dapat dulu dia dapat.

**NMD** : **Macam anak tuan sendiri ada tak minat dalam bidang ini.**

NN : Minat tengok tu ada lah, tak adalah nak belajar. Kita pun tidak memberi keutamaan untuk dia.

**NMD** : **Sebelum kita akhir dengan tembual ini, Saya nak tanya tentang isu semasa tentang GST [Government Service Tax].**

NN : Kita pun *try* [cuba] ikut apa yang dia suruh sebab nanti dia mari *check* [semakan] sebab *enam peratus* [6%] adalah hak kerajaan. Kalau dia mari *check* [semakan] mana duit dia, banyak mana dah kita jual, jadi kita simpan *enam peratus* [6%] untuk dia. Terpaksalah kena ikut walaupun kita tidak setuju, siapa setuju cuba tanya? Yang semua ada sistem *GST* [Government Service Tax] siapa setuju? Kalau dia mari, kita kena denda kita tidak bagi. Contohnya kita jual *sepuluh ribu*, [10,000] *enam peratus* [6%] daripada *sepuluh ribu* [10,000] itu, maknanya *enam ratus ringgit* [600] dia nak *enam ratus ringgit* [600] kita kena bagi. Kalau tak bagi saman, lagi banyak. Begitu kita kena terima - kita telah letak dia sebagai pemimpin pemerintah negara kita kena ikutlah.

**NMD** : **Untuk akhir sekali, Adakah tuan akan bersara sampai ke akhir hayat? Memang ini bidang tuan.**

NN : Saya bukan kerja kerajaan untuk bersara sebab ini - akan kerja yang biasanya kita tidak *cekak* [berupaya] tak *rok* [letih] ke tidak. Persaraan ini akan terjadi bila boleh mengganggu kesihatan kita, tidak berupaya secara

rasmi, tidak boleh untuk dikata sebab kita bukan kerja kerajaan yang cukup *enam puluh* [60] itu macam itu.

**NMD** : Itu jer lah temubual untuk kali ini, terima kasih kepada Encik Norhaiza sebab sudi ditemubual oleh kami berdua.

**NN** : Sama-sama.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1

### LOG WAWANCARA

Alya Maisarah dan Nurulainajwa menemubual Encik Norhaiza Bin Noordin, yang dilahirkan pada 1963, di Besut, Terengganu. Temubual dijalankan di pejabat beliau di Kampung Raja, Terengganu, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh seni ukiran kayu sejak tahun 1984.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
00.12	Latar Belakang Tokoh	1. Norhaiza bin Noordin 2. 20/2/1963
01.03	Tempat lahir	1. Kampung Raja
01.25	Ahli keluarga	1. Noordin bin Taib (bapa) 2. Rahmah binti Yaakob (ibu) 3. Che Hayati binti Abdullah
02.45	Sejarah pendidikan	1. Sekolah Rendah Tengku Mahmud 2. Sekolah Menengah Tengku Mahmud 3. SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)
<b>BAHAGIAN 2: KERJAYA</b>		
03.52	Pekerjaan awal sebelum menjadi seorang tokoh	1. Buruh binaan di Singapura 2. Selepas tamat sekolah- SPM
06.05	Tahun mula melibatkan diri	1. 1984

	dalam bidang seni ukiran	2. Bulan April
10.25	Mula-mula belajar ukiran	1. Di balai seni ukir Wan Mustapha. 2. Wan Su 3. Wan Mustapha
12. 18	Idola tokoh	1. Tengku Ibrahim Tengku Wok 2. Wan Su 3. Wan Mustapha 4. Latip bin Long 5. Abdul Rahman bin Long 6. Nik Rasyidin Nik Hussin
16.10	Sejarah ukiran kayu	1. Wujud sebelum merdeka 2. Tahun 70an, 80an 3. Besut, Terengganu 4. Kota Bharu 5. Pengarah muzium pertama
25.10	Pengalaman perniagaan	1. Tempahan barang 2. Persaingan
26.15	Pengiktirafan	1. Adiguru kraft ukiran kayu 2011 2. Tokoh seni Terengganu 2005 3. Tokoh Keusahawan kraf sederhana 2009 4. Anugerah keusahawanan Terengganu 2013 5. Calon tokoh kraft Negara 2015
34.32	Syarikat yang ditubuhkan	1. Tunjang Bakawali Sdn Bhd 2. Bakawali Sari Warisan 3. Seni Ukir Bakawali
36.58	Pengurusan	1. Ahli keluarga - isteri, adik beradik.
40.05	Produk-produk	1. Pasang siap (kotak-kotak,

		<p>cenderahati)</p> <p>2. Tempahan – pintu rumah, mimbar masjid</p>
43.20	Kriteria pekerja	<p>1. Temuduga</p> <p>2. Pengalaman bekerja</p>
<b>BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN DAN PANDANGAN</b>		
44.07	Kerjaya di luar negara	<p>1. Pameran Spirit of Wood-London</p> <p>2. Tourism Paris</p> <p>3. Restoran United Kingdom</p> <p>4. Team luar Negara</p>
46.30	Faktor kembangkan karya seni ukir	1. Kejayaan bila diterima oleh orang
49.42	Tulang belakang tokoh	<p>1. Isteri</p> <p>2. Kawan kenalan dalam akademik</p> <p>3. Menyumbang kepada orang</p>
51.50	Pencapaian	1. Tokoh Adiguru 2011
52.26	Bagaimana melibatkan diri dalam aktiviti yang besar.	1. Dibawah jabatan kraftangan di Malaysia.
53.30	Sumbangan diri sendiri	1. Yang Di-Pertua Persatuan Pengukir Malaysia
55.53	Orang kenamaan yang membantu tokoh	<p>1. Sultan Selangor</p> <p>2. Menteri Besar</p>
58.54	Cabaran dalam bidang ini	1. Cabaran daripada kontraktor yang tidak bayar bayaran.
59.45	Persaingan	<p>1. Persaingan daripada luar Negara</p> <p>2. China</p> <p>3. Indonesia</p>
1.00.34	Masa yang diambil untuk siapkan produk	<p>1. Bergantung pada sesuatu produk</p> <p>2. Minggu dan bulan</p>

1.02.58	Bagaimana bidang ini membantu ekonomi negara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak membantu sangat</li> <li>2. Sekadar hiasan</li> <li>3. Contohnya di Istana</li> </ol>
1.03.55	Cara menarik minat orang muda	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Buat pameran untuk generasi muda</li> <li>2. Tokoh sendiri-pameran di Berlin</li> </ol>
1.06.48	Bahan mentah yang digunakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kayu cengal</li> <li>2. Kayu mempising</li> </ol>
1.09.38	Isu semasa- GST	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kena ikut kerana paksaan daripada kerajaan</li> <li>2. 6% kena bagi kepadanya.</li> </ol>



## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.35pg- 10.50pg	11 Mei 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Membuat panggilan telefon untuk mendapat persetujuan sebelum menemubual tokoh tersebut.
2.00ptg- 3.00ptg	11 Mei 2015	Faksimile Surat  Selepas mrnghubungi Encik Norhaiza, kami membuat surat pengesahan daripada HEA bahawasanya kami daripada pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM) ingin menemubual tokoh tersebut.	Kami menghantar surat tersebut melalui faksimile dan email kepada Encik Norhaiza Nordin sebagai bukti yang kami akan menemubual pada tarikh tersebut.
12.10tgh- 12.30tgh	12 Mei 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada En. Norhaiza Nordin memberitahu yang kami sudah sampai di pejabat tuan.	Menunggu En Norhaiza Nordin datang kerana beliau berada di Kota Bharu untuk urusan rasmi di sana.
2.10ptg- 2.20ptg	12 Mei 2015	Panggilan Telefon  Menghubungi sekali lagi En Norhaiza Nordin untuk pengesahan beliau sempat datang atau tidak untuk ditemubual oleh kami.	Kami terus menunggu ketibaan En Norhaiza untuk datang ke pejabatnya.
3.00ptg- 4.30ptg	12 Mei 2015	Perjumpaan Bersama Tokoh  Bermulalah sesi perkenalan bersama tokoh dan menemual Encik Norhaiza Nordin sebagai pengusaha Ukiran Kayu.	Sesi temubual bersama tokoh mengambil masa selama satu jam sebelas minit sahaja.

## LAMPIRAN 3

### \*SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

#### A. Latar Belakang Tokoh

1. Siapakah nama sebenar tuan?
2. Apakah nama gelaran tuan?
3. Berapakah usia tuan?
4. Bilakah tarikh lahir tuan?
5. Di manaka tuan dilahirkan?
6. Di manakah tuan dibesarkan?
7. Di manakah tuan tinggal sekarang?
8. Siapakah nama ibu dan bapa tuan?
9. Apakah pekerjaan mereka?
10. Berapakah bilangan adik beradik tuan?
11. Siapakah nama isteri tuan?
12. Berapakah umurnya?
13. Berapakah bilangan orang anak tuan?
14. Bagaimana tuan mendidik mereka?
15. Adakah mereka mewarisi seni tuan?

#### B. Sejarah Pendidikan

16. Tentang latar belakang tuan, bolehkah tuan jelaskan sejarah pendidikan tuan?
17. Apakah nama sekolah rendah tuan dahulu?
18. Apakah nama sekolah menengah tuan dahulu?
19. Adakah tuan aktif menglibatkan diri semasa di sekolah menengah?
20. Apakah kenangan manis tuan sepanjang pengajian tuan?
21. Apakah kenangan pahit tuan semasa di sepanjang pengajian?
22. Apakah pencapaian yang terbaik pernah tuan perolehi sepanjang pengajian?

### **C. Sejarah Pekerjaan Awal**

23. Apakah pekerjaan awal tuan? [untuk pengetahuan awal]
24. Bagaimanakah tuan mula menceburi bidang tersebut?
25. Mengapakah tuan berminat dalam bidang tersebut?
26. Sebagaimana yang kita tahu, tuan amat meminat bidang ini, bagaimanakah minat itu hadir dalam diri tuan?

### **D. Kerjaya**

27. Bagaimanakah mula-mula menceburi bidang ini?
28. Dimanakah tempat mula-mula tuan belajar dalam bidang ini?
29. Pada usia berapakah mula-mula tuan belajar dalam bidang ini?
30. Siapakah guru pertama yang mengajar tuan?
31. Siapakah yang menjadi insprasi tuan untuk menceburi bidang ini?
32. Boleh tuan ceritakan sedikit tentang sejarah bidang ini?
33. Selain itu, mengapakah tuan ingin menceburi bidang ini?
34. Sepanjang menceburi bidang ini, apakah kenangan manis tuan?
35. Sebagai anak seni, apakah kenangan pahit tuan?
36. Berapa lamakah baru tuan sampai ke tahap ini?
37. Apakah kejayaan tuan sepanjang penglibatan tuan dalam bidang ini?
38. Selain itu, apakah faktor-faktor yang menyebabkan tuan gigih berusaha untuk terus berjaya?
39. Bolehkah tuan ceritakan pengalaman tuan dalam bidang ni?
40. Bagaimanakah tuan boleh di gelar sebagai Adiguru?
41. Apakah yang dimaksudkan dengan Adiguru? Bolehkah tuan jelaskan?
42. Siapakah yang memberi gelaran ini kepada tuan?
43. Sepanjang penglibatan tuan dalam bidang ini, apakah peristiwa paling yang tuan ingati?

44. Boelakah tuan jelaskan bagaimana cara tuan membahagikan masa tuan bersama keluarga dan kerjaya tuan?
45. Adakah keluarga tuan juga turut serta bersama tuan dalam bidang?
46. Kami difahamkan tuan mempunyai 3 buah empayar tuan sendiri,bolehkah tuan jealaskan sedikit tentang empayar tuan itu?
47. Siapakah yang membantu tuan dalam mengendalikan empayar tuan berkenaan?
48. Bagaimanakah timbulnya idea untuk ada empayar sendiri?
49. Bagaimana ketiga-tiganya beroperasi?
50. Berapakah bilangan pekerja sekarang?
51. Bagaimanakah cara untuk memohon pekerjaan di empayar tuan?
52. Seterusnya, bagaimana kejayaan tuan di luar Negara?
53. Apakah pengalaman tuan berada di luar Negara untuk memperkenalkan bidang ini?
54. Dengan siapakah tuan bekerjasama untuk mengharumkan bidang ini?
55. Bagaimana persepsi orang luar terhadap bidang ini?
56. Apakah faktor yang menyebabkan tuan terpikir untuk memperkenalkan legasi tuan ke luar Negara?
57. Tentang kejayaan tuan, adakah tuan terpikir yang tuan akan berjaya sampai ketahap ini?
58. Bagaimana penerimaan orang disekeliling atas kejayaan tuan teruatamanya keluarga tuan?
59. Siapakah yang megalakkan tuan untuk terus berjaya?
60. Sebagai anak seni yang berjaya, apakah harapan tuan dalam bidang ini?

#### **E. Sumbagan dan Pencapaian**

61. Boleh kami tahu apakah pencapaian tuan?
62. Pencapaian pertama tuan ialah?
63. Bagaimana tuan boleh mencapai pencapaian tuan?
64. Apakah sumbangan tuan pada diri sendiri?

65. Dan apakah sumbangan tuan pada Negara?
66. Bagaimanakah tuan boleh melibatkan diri dalam sesuatu peristiwa yang besar?
67. Nyatakan aktiviti-aktiviti yang telah tuan sertai sepanjang dalam bidang ini?
68. Dimanakah sumbangan pertama tuan diisytiharkan?
69. Adakah tuan masih lagi berkarya?
70. Apakah yang membuat tuan terus untuk berkarya?
71. Apakah sumbangan terbesar tuan dalam industri ukiran kayu ini?
72. Bagaimanakah bentuk sumbangan tuan dalam seni ukiran kayu di dalam dan di luar negara?
73. Apakah sumbangan tuan dalam memperkenalkan seni ukiran kayu di mata dunia?
74. Siapakah tokoh terkenal atau orang kenamaan yang tuan memberi sumbangan dalam industri ukiran kayu ini?
75. Bolehkah tuan ceritakan serba sedikit kronologi tentang sumbangan yang telah tuan sumbangkan kepada negara?
76. Pernahkah tuan mengadakan seminar di dalam negara ini?
77. Di manakah biasanya seminar ini diadakan?
78. Adakah tuan pernah mengadakan bengkel di dalam negara bagi memperkenalkan industri ini dengan lebih dekat lagi?
79. Di manakah tempat yang sesuai untuk memberi tunjuk ajar dalam bengkel ini?
80. Pernahkan tuan cuba untuk mempromosi dan membuat pameran ke serata negeri bagi memperkenalkan seni ukiran kayu ini?
81. Di manakah tempat yang sesuai untuk mempromosi dan mempamerkan seni ukiran kayu ini.
82. Bilakah masa dan tarikh yang sesuai untuk mempromosi dan membuat pameran ini?
83. Bagaimanakah caranya tuan ingin mengembangkan industri ini ke peringkat global?
84. Adakah tuan mempunyai anak didik bagi memberi tunjuk ajar yang mendalam tentang industri ukiran kayu ini?

85. Bagaimanakah cara untuk mengasah bakat anak muda sekarang yang berminat dan berbakat dalam industri ukiran kayu ini?
86. Bilakah tuan bersedia mencari pewaris untuk menurunkan ilmu kepada generasi yang akan datang?
87. Siapakah yang menjadi tulang belakang kepada tuan bagi mencapai kejayaan sebegini?
88. Siapakah inspirasi tuan dalam menghasilkan seni ukiran kayu yang bermutu dan berkualiti tinggi?
89. Terangkan pencapaian yang telah tuan perolehi sepanjang terbabit dalam industri seni ukiran kayu ini.
90. Apakah pencapaian yang paling dibanggakan tuan pada masa sekarang?
91. Bagaimanakah tuan membahagikan masa dengan aktiviti luar dan bersama keluarga?
92. Adakah tuan pernah terlibat di dalam seminar luar negara?
93. Pernahkah tuan berkerjasama dengan pengukir tersohor yang lain bagi menyiapkan hasil seni yang agung?
94. Terangkan contoh-contoh ukiran kayu yang pernah di ukir di Malaysia?
95. Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh tuan bagi mengembangkan seni ukiran kayu kepada generasi akan datang.
96. Pernahkah tuan memberi sumbangan di luar negara?
97. Apakah sumbangan yang diberikan oleh tuan?
98. Di manakah tuan menghasilkan seni ukiran kayu di luar negara?
99. Adakah tuan pernah tercabar oleh pengukir terkenal lain yang mendorong kepada kejayaan tuan?
100. Apakah persepsi terhadap masa hadapan tuan?
101. Adakah tuan berkolaborasi dengan pengukir lain bagi menghasilkan seni ukiran di luar negara?
102. Siapakah pengukir yang pernah bekerjasama dengan tuan?
103. Adakah tuan pernah berkongsi idea dengan mereka bagi menghasilkan karya yang berkualiti tinggi.

104. Apakah sumbangan tuan di dalam agensi pembuatan ukiran kayu di Malaysia?
105. Bagaimanakah tuan ingin mengembangkan bisnes dalam industri ukiran kayu ini?
106. Adakah tuan bersedia untuk mengetengahkan industri ini supaya menjadi platform kepada generasi akan datang?
107. Bagaimanakah caranya untuk memperkenalkan industri seni ukiran kayu ini di serata dunia?
108. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu ukiran kayu ini?
109. Bagaimana cara untuk membantu ekonomi negara dalam penghasilan industri ukiran kayu ini?
110. Akhir sekali, bilakah tuan akan bersara dalam bidang ini?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

  
Dr. Mohd Nasir Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.




**LAMPIRAN 5**



**Gambar 1: Menembual Bersama Tokoh**



**Gambar 2: Cenderahati**



**Gambar 3: Contoh Ukiran Kayu**



**Gambar 4: Contoh Ukiran Kayu**

## RUJUKAN

Adiguru Norhaiza bin Noordin. (2014). *Desa ukiran kayu*. 2014 Dis 15. Retrieved from <http://desaukirankayu.blogspot.com/2014/12/tokoh-pengukir-besut-adiguru-norhaiza.html?m=1>

Norhaiza Noordin. (2014). *Malay Master Wood Craving*. 2014 Nov 13. Retrieved from <http://norhaizanoordin.wordpress.com>.

Pengiktirafan Tokoh. (2012). *Tokoh Adiguru*. 2012 19 Apr. Retrieved from <http://tokohadiguru.blogspot.com>

Farish Noor & Khoo, Eddin. (2013). *Spirit of Wood: The Art of Malay Woodcraving*. Tuttle Publishing; Selangor.

aye [ayam], 39  
 bubuh [letok], 39  
 budget [bajet], 39  
 cable [kabel], 42  
 ceghito [cerita], 41  
 cekak [berupaya], 51  
 check [semakan], 41, 51  
 control [kawal], 45  
 dok [tiada], 38, 39  
 duk [sedang], 38  
 etek [sesuatu], 40  
 fine art [seni halus], 32  
 glamor [popular], 48  
 group [kumpulan], 39  
 GST [Government Service Tax], 51  
 habok [tidak ada], 50  
 ike [ikan], 39  
 interior [dalaman], 45  
 interior design, [hiasan dalaman], 45  
 interview [temubual], 37  
 Kayu balau, 49  
 Kayu cengal, 49, 56  
 kayu merbau, 49  
 kayu nyatoh, 49  
 kayu pisang, 49  
 kelih [tengok], 39  
 Kontraktor, 45  
 Kraf Negara [KN], 47  
 labour [buruh], 46  
 lecu [pelembap bibir], 39  
 link [perhubungan], 42  
 lobby [lobi], 38  
 make up [alat solek], 39, 47  
 melawan [persaingan], 46  
 op [masih], 38  
 pitih [duit], 40  
 sekat [hentikan], 43  
*statement*, [kenyataan], 48  
 tak *rok* [letih], 51  
 Takdi [tadi], 41  
 team [pasukan], 38  
 top ten [sepuluh teratas], 40  
 tourism [pelancongan], 38  
 trademark [tanda], 48  
 try [cuba], 22, 51  
 tubik [keluar], 39  
 UITM [Universiti Teknologi Mara], 14, 44  
 Universiti Malaya [UM], 44

University di Oxford, Oxford Islamic,, 38

UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris],  
44

UTM [Universiti Teknikal Malaysia], 44

Yang Dipertuan Persatuan Pengukir  
Malaysia [PPM], 42